



## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### KENYATAAN MEDIA

#### BANTUAN PELAN DATA DAN PERANTI KEPADA PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa sejak pelancaran Pakej Pelan Data dan Peranti kepada pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) daripada kategori B40 bersasar pada 30 Oktober 2020, sebanyak 195,028 pelan data dan 3,773 peranti telahpun diedarkan kepada pelajar-pelajar IPT berkenaan sehingga 31 Disember 2020.

Sementara itu, sebanyak 3,997 buah komputer riba dan *desktop* sedang dalam proses perolehan oleh KPT untuk diedarkan kepada mereka.

Inisiatif KPT juga termasuk mendapatkan tawaran terbaik daripada syarikat pembekal pelan data dan peranti seperti berikut:

#### Pelan Data

BIL	SYARIKAT PEMBEKAL	PAKEJ ISTIMEWA
1	Celcom EL30	RM30
2	Celcom XPAX 35	RM35
3	Maxis Hotlink	RM30 / RM40 / RM50
4	Digi	RM28 / RM35
5	UNIFI MOBILE (pasca bayar)	RM59
6	UNIFI Mobile (prabayar)	RM35

#### Peranti

BIL	SYARIKAT PEMBEKAL	PAKEJ ISTIMEWA	CATATAN
1	Acer Student Purchase Program-MOHE	5-7% diskaun	Produk-produk terpilih
2	Samsung Education Store	Bermula 15%	Bagi semua produk dan aksesori
3	Education AOS Store Home	Antara RM85 hingga RM420	Mengikut jenis produk

KPT juga telah mengadakan perbincangan dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk satu lagi inisiatif pinjaman kewangan di bawah Skim BSN MyRinggit-i COMSIS bagi pembelian komputer riba oleh pelajar IPT.

KPT juga melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah melancarkan satu inisiatif *crowdfunding* melalui Tabung Prihatin Siswa sebagai satu platform bagi mempelawa pihak luar bersama-sama dengan KPT dalam menyalurkan sumbangan untuk membantu meringankan kesulitan pelajar yang berkeperluan dalam meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa kekangan. Pihak-pihak yang ingin menyalurkan sumbangan mereka, bolehlah berbuat demikian melalui **akaun Maybank 5660 1062 2566** atau melalui dalam talian dengan klik pautan di [www.billplz.com/tabungsiswa](http://www.billplz.com/tabungsiswa)

Sesungguhnya, akses kepada capaian internet sangat kritikal bagi membolehkan pelajar menjalani sesi PdP secara dalam talian dengan kondusif. Tidak dinafikan, pelajar perlu menanggung kos yang tinggi bagi melanggani pakej pelan data untuk capaian internet tersebut.

KPT komited untuk memastikan semua pelajar IPT mampu mendapatkan capaian internet walau di mana sahaja mereka berada. Hal ini juga penting bagi KPT menjayakan aspek ekuiti apabila semua pelajar mendapat hak pendidikan yang setara tanpa jurang antara bandar mahupun luar bandar.

**DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD**  
**Menteri Pengajian Tinggi**

**26 Januari 2021**